
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SPU 312: Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

Jawab DUA (2) daripada soalan-soalan di bawah. Setiap soalan membawa 100 markah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perdamaian? Terangkan makna "perdamaian positif" dan juga "perdamaian negatif" dengan memberikan contoh-contoh yang relevan. Apakah pula yang dimaksudkan dengan konflik? Berikan huraian anda dengan menjelaskan sekurang-kurangnya dua definisi konflik seperti yang dinyatakan oleh penulis-penulis dalam bidang ini. Jelaskan juga perbezaan antara konflik tersembunyi dan konflik nyata.
(100 markah)
2. Dalam bukunya, C.R. Mitchell memberikan penjelasan mengenai konflik dengan mengaitkan tiga komponen utama dalam struktur segitiga konflik, iaitu situasi, tingkahlaku dan sikap. Apakah yang Mitchell maksudkan dengan ketiga-tiga komponen ini? Huraikan perkaitan antara komponen-komponen ini dengan mengaitkan mereka dalam satu contoh konflik antara dua atau lebih kumpulan.
(100 markah)
3. Pengurusan konflik boleh dibahagikan kepada tiga kaedah atau bahagian utama iaitu pencegahan, pengawalan, dan penamatan konflik. Jelaskan makna ketiga-tiga kaedah ini dengan memberikan contoh-contoh yang relevan. Bilakah masa yang sesuai untuk menggunakan kaedah-kaedah ini?
(100 markah)

4. Apakah mediasi / pengantaraan (mediation) dan bilakah masanya ia digunakan? Terangkan perbezaan antara mediasi dengan arbitrase (arbitration) dan fasilitasi (facilitation) mengikut Mark Hoffman. Terangkan langkah-langkah yang sepatutnya diambil di dalam proses mediasi untuk mendapatkan penyelesaian yang terbaik.

(100 markah)

- oo oOo oo -